

Toksin buntal boleh membunuh

UM 31/3/2023 ms: 25

Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**

intan.suhana@mediamulia.com.my

IKAN buntal atau nama saintifiknya *Lagocephalus* sp. merupakan spesies mengandungi toksin saraf yang boleh menyebabkan keracunan, lebih-lebih lagi kalau dimakan secara tidak betul. Sekiranya ingin mencuba hidangan atau produk berasaskan buntal, elakkan makan bahagian yang mengandungi toksin seperti hati, kulit, usus dan ovarium, lebih-lebih lagi racun Tetrodotoxin tidak akan musnah walaupun dimasak pada suhu yang tinggi.

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Datuk Adnan Hussain berkata, racun tetrodotoxin boleh menyerang saraf dan membawa kepada kematian.

Pengendalian juga haruslah dilakukan orang yang berpengalaman dan berpengetahuan mengenai spesiesnya.

“Segera dapatkan rawatan di pusat perubatan jika mengalami gejala keracunan dalam tempoh 30 minit hingga 2 jam selepas makan ikan buntal seperti mual, muntah, atau lemah otot,” katanya sebagai mengulas mengenai kejadian seorang wanita maut manakala suaminya dimasukkan

ke Unit Rawatan Rapi (ICU) selepas memakan hidangan ikan buntal.

Peniaga disaran berwaspada dengan makanan dijual (termasuk ikan) kerana mengikut Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan Peraturan: Bahagian III Kesalahan dan Keterangan Seksyen 13 (1) antara lain menyatakan menjadi kesalahan menjual atau menyediakan makanan g beracun, merosakkan atau memudaratkan.

Jika didapati bersalah boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau denda atau kedua duanya.

Statistik Jabatan Perikanan Malaysia, mendapati jumlah pendaratan ikan buntal pada 2020 adalah sekitar 1337 tan, dengan pendaratan tertinggi di Perak (804 tan), diikuti Sarawak (228 tan) dan Sabah (192 tan).

Ikan buntal yang biasa ditangkap adalah dari spesies *Lagocephalus*, antaranya ikan buntal pisang emas (*Lagocephalus wheeleri*), buntal pisang muda (*Lagocephalus spadiceus*), buntal pisang kasar (*Lagocephalus lunaris*) yang mana ketiga-tiga spesies ini secara luaran nampak sama.

BUNTAL LUNAS RENDA



BUNTAL LUNAS

BUNTAL BELANG

